

MTUC syor pekerja diberi elaun khas RM50

UM 2 8 OCT 2001

PULAU PINANG 27 Okt. — MTUC mencadangkan kerajaan memberi Elaun Bantuan Khas (SRA) RM50 seorang kepada hampir tujuh juta pekerja sektor awam dan swasta untuk memulihkan ekonomi negara.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, minggu lalu.

Beliau berkata, pemberian elaun itu dapat meningkatkan daya beli pekerja sekali gus membantu mencapai matlamat tersebut.

Menurut Zainal, pemberian elaun khas itu pernah diberi kepada golongan pekerja pada zaman kemelesetan ekonomi sekitar tahun 70-an semasa pentadbiran bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Pada masa itu, elaun tersebut lebih dikenali sebagai Elaun Sara Hidup (COLA) diberi kepada golongan pekerja sebanyak RM30 seorang. Ia membantu mereka meningkatkan perbelanjaan semasa zaman gawat dan diberikan lebih lima tahun.

"Pada masa ini, terdapat kira-kira enam juta pekerja swasta dan 900,000 kakitangan awam di negara ini dan jika setiap orang membelanjakan elaun RM50 itu, bayangkan berapa banyak wang yang da-

pat digunakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara semasa," katanya.

Zainal menyatakan demikian selepas pelancaran Konvensyen Cabaran Masa Depan Pekerja Pelabuhan Malaysia Dalam Era Pensiwaan dan Globalisasi Ekonomi Dunia anjuran Kesatuan Pekerja-Pekerja Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) di Hotel Sheraton di sini, hari ini.

Beliau berkata, pemberian elaun RM50 jika diluluskan perlu diteruskan sehingga keadaan ekonomi negara dan dunia menjadi stabil.

Menurut Zainal, elaun yang perlu dibayar oleh majikan masing-masing itu adalah berasingan dari gaji pokok dan tidak tertakluk kepada potongan di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Beliau berkata, jika pemberian tersebut dipersetujui oleh Perdana Menteri, perbelanjaan tambahan dari elaun khas itu akan menjana ekonomi negara seterusnya dapat mewujudkan peluang pekerjaan bagi kira-kira 200,000 lepasan sekolah setiap tahun.

"Saya yakin pemberian elaun khas ini akan meningkatkan lagi produktiviti pekerja kerana negara bergantung kepada sokongan daripada mereka untuk memajukan negara,"

katanya yang turut mengangap cara itu juga dapat mengelakkan negara berhadapan dengan kejatuhan ekonomi yang teruk seperti Thailand dan Korea.

Menurutnya, beliau yakin majikan terutamanya pihak swasta mampu memberi elaun tersebut walaupun sedang berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta kerajaan mengkaji semula jika terdapat cadangan pengambilalihan pelabuhan-pelabuhan di negara ini termasuk Pelabuhan Pulau Pinang oleh syarikat lain.

Menurut beliau, khabar-khabar angin mengenai perkara tersebut bertiup kencang dan ia merisaukan pekerja-pekerja pelabuhan di negara ini.

Katanya, walaupun MTUC menyokong langkah meningkatkan kemudahan di semua pelabuhan namun pihaknya berpendapat ia perlu diuruskan sendiri oleh pihak penguurusan pelabuhan.

Sehubungan itu, beliau meminta Kesatuan Pekerja PPSB melalui konvensyen hari ini merumuskan satu memorandum mengenai perkara tersebut dan diserahkan kepada Perdana Menteri jika terdapat cadangan pengambilalihan pelabuhan tersebut oleh syarikat lain.